

Pengurusan mangsa banjir di PPS terbaik

Undangan Negeri (ADUN) Pulau Manis Datuk Khairuddin Mahmud dan Pengerusi Biro Kebajikan UMNO Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Najib yang juga Ahli

Parlimen Pekan mengucapkan terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim dan semua pegawai, agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) yang

“
Saya berharap isteri mendapat bantuan alat pendengaran kerana dia mengalami masalah sukar mendengar”

Olin Muhammad

turut sama menghulurkan bantuan kepada semua banjir di Pahang.

Terdahulu, beliau melawat PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Temai di Pekan yang menempatkan 96 mangsa daripada 24 keluarga dari tiga perkampungan dalam Mukim Temai iaitu Temai Hilir, Temai Hulu dan Temai Tengah.

Mangsa dari Kampung Temai Tengah Olin Muhammad, 70, mengambil kesempatan lawatan Najib itu untuk mengucapkan terima

kasih kepada beliau atas sumbangan kerusi roda kepada isterinya, Noriah Kassim, 70, tahun lalu.

Katanya, isterinya sukar bergerak kerana mengalami masalah sakit kaki dan kerusi roda dihadiahkan Perdana Menteri itu membantunya untuk bergerak.

“Saya dan isteri ambil kesempatan mengucapkan terima kasih secara peribadi apabila bertemu hari ini (semalam) kerana ia sebelum ini dihantar oleh wakilnya. Datuk Najib cukup prihatin apabila berkunjung melawat kami.

“Saya berharap isteri mendapat bantuan alat pendengaran kerana dia sekarang mengalami masalah sukar mendengar, harganya mahal dan kami tidak mampu,” katanya ketika ditemui di PPS berkenaan.



PENDUDUK Kampung Seri Damai menggunakan perahu untuk ke kediaman yang dinaiki banjir.